

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 30/05/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 29
Tajuk : ANGKASA bantu atasi masalah kekurangan bekalan ayam

Angkasa bantu atasi masalah kekurangan bekalan ayam

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) telah meluluskan RM14.26 juta untuk Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

Presiden Angkasa, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, peruntukan tersebut akan digunakan dalam enam projek baharu termasuk untuk membantu kerajaan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.

Menurutnya, projek baharu tersebut turut merangkumi penternakan ayam untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan dan kebergantungan import bekalan ayam.

“Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi, hanya terdapat 19 buah koperasi yang terlibat secara besar-besaran keluarkan ayam.

“Namun hanya ada beberapa koperasi kecil yang keluarkan ayam dalam kuantiti yang sedikit. Koperasi ini yang kita akan memperkasakan dengan memastikan mereka dapat mengeluarkan ayam dengan lebih banyak.

“Kami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka,” katanya dalam sidang akhbar Mesyuarat Agung MAPA ke-36 pada Sabtu.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan,



Abdul Fattah (empat dari kanan) selepas sidang akhbar Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

kan, projek tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan dan akan mengenal pasti jumlah koperasi yang diperlukan.

“Berdasarkan kepada statistik, seorang rakyat Malaysia secara puratanya memakan dua ekor ayam sebulan sekali gus menyaksikan pasaran memerlukan 14 juta ekor ayam sebulan dalam sektor koperasi.

“Jadi kami akan melihat berapa banyak koperasi yang diperlukan untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 5,000 ekor ayam sebulan,” katanya.

Selain projek ayam, Angkasa me-



Kami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka.”

rancang membina kilang pemprosesan, pembungkusan dan pemborongan beras jenama Melati, usahasama penanaman melon serta empat projek pembangunan

perniagaan (Inkubator).

Dalam mesyuarat agung tersebut juga, turut berlangsung pemilihan Angkasa yang menyaksikan Abdul Fattah berjaya mempertahankan kerusi presiden dengan mendapat 1,468 undi.

Selain itu, Mohd Azlan Yahya pula dipilih sebagai Anggota Lembaga Angkasa manakala Norizah Abdullah, Asruddin Abas, Dr Razali Hassan, Abdul Kadir Jailani Ismail, Alimen Ahmad dan Ahmad Masri Abdul Rasid dipilih sebagai Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa.